

DATE: 9 / 10 / 2007



GAMBAR: IHSAN RANTINGSYAM.BLOGSPOT.COM

**BERTAMBAH SIHAT:** Keadaan Dr Mahathir semakin baik sambil ditemani Siti Hasmah di IJN, semalam.

## Dr Mahathir pindah wad biasa

BH- 9/10/2007

Oleh Magendran Rajagopal

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad dipindahkan dari Unit Rawatan Rapi (ICU) Institut Jantung Negara (IJN) ke wad Bunga Raya pagi semalam berikutan tahap kesihatannya yang semakin baik selepas menjalani dua pembedahan.

Anaknya, Datin Paduka Marina dalam laman blognya berkata, bapanya juga lebih berselera dan sudah boleh menjamah spaghetti marinara, salad, puding dan buah-buahan ketika makan tengah hari semalam.

"Pemindahan bapa ke wad Bunga Raya sudah cukup baik bagi kami sekeluarga. Saya bergegas ke IJN dan menemui pemberita di tingkat bawah.

"Nampaknya ada orang memberitahu mereka bapa akan dibenarkan keluar hari ini. Tidak betul sebenarnya. Tetapi buat masa ini, perpindahan ke atas iaitu ke tingkat lima (wad biasa) sudah cukup baik bagi kami," katanya.

Sementara itu, IJN dalam kenyataannya semalam berkata, perkembangan positif Dr Mahathir mem-

bolehkannya dipindah keluar dari ICU dan ditempatkan di wad biasa.

Doktor yang merawatnya berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai setakat ini dan akan meneruskan senaman selepas pembedahan bagi memperkuat otot dan dada. Bekas Perdana Menteri itu juga sudah boleh berjalan tanpa bantuan atau dipapah sejak kelmarip.

Bagaimanapun, hanya keluarga terdekat saja dibenarkan melawat buat masa sekarang bagi memastikan beliau mendapat rehat secukupnya selepas setiap sesi fisioterapi.

Dr Mahathir dibedah selama tiga jam pada 23 September selepas 19 hari menjalani pembedahan pintasan jantung 4 September lalu.

**“Pemindahan bapa ke wad Bunga Raya sudah cukup baik”**

**Marina Mahathir**  
Anak